

## BERITA HARIAN

## Lebih 10,000 pekerja bank pinjam along

**K**UALA LUMPUR: Lebih 10,000 pekerja bank berpendapatan rendah mungkin terpaksa meminjam wang daripada ceti haram atau along berikutan permohonan mendapatkan pinjaman persendirian daripada bank ditolak.

Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Pekerja Bank (Nube), J Solomon, berkata kira-kira 95 peratus daripada peminjam bank yang gagal dan terpaksa meminjam dengan along itu adalah pekerja Bumiputera.

"Faktor utama ahli Nube tidak berjaya mendapat pinjaman kerana mereka sudah mencapai tahap maksimum potongan gaji atau nama mereka disenarai di Sistem Rujukan Maklumat Credit Berpusat (CCRIS) yang diuruskan Bank Negara.

"Mereka meminjam wang untuk membeli rumah, kereta dan menggunakan kad kredit untuk mengendalikan hidupan harian. Akibatnya mereka tidak dapat mengimbangkan kos kehidupan yang semakin meningkat dengan pendapatan rendah, apalagi mempunyai rekod pembayaran balik yang kurang memuaskan," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Berikutan itu, Solomon berkata, 30,000 ahli Nube membabitkan pekerja kerani dan bukan kerani menyedari peluang mendapatkan pinjaman bank amat tipis.

"Dengan gaji permulaan serendah RM662, gaji mereka tidak dapat dipotong lagi. Jika masih ada ruang pemotongan pun, kadar yang boleh dibuat amat terhad. Ahli Nube yang kesempitan wang mungkin terjebak dalam perangkap along menjelang musim perayaan ini.

"Nube menggesa pengurusan bank supaya berkongsi keuntungan yang diperolehi kerana walaupun bergaji rendah, ahli Nube tetap komited memberikan khidmat pelanggan terbaik kepada bank sekaligus membolehkan mereka mencapai keuntungan yang banyak," katanya.